

18 JUN 1998

DR MAHATHIR LAWAT MUZIUM JED

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melapangkan masa kira-kira satu jam melawat muzium jed tunggal di Malaysia di Jalan Bukit Bintang di sini.

Pelbagai barangan jed berharga dari China yang dipamerkan itu adalah koleksi milik keluarga See.

Sepanjang lawatan itu Perdana Menteri diiringi pemilik muzium itu Mohd Yacob See dan isterinya Norlina Roxanne Ng, yang memberikan penerangan mengenai barangan itu.

Antara yang dipamerkan ialah sebuah ukiran jed yang dikenali sebagai "Nine Dragons Playing With Pearls" yang dikatakan yang terbesar di dunia dengan ukuran 1.8 meter X 1.65 meter X 0.14 meter.

Menurut Norlina, muzium itu yang pada asalnya dibuka di Petaling Jaya pada Disember 1993 dan berpindah ke sini pada Jun 1995, mempunyai 10,800 barangan jed termasuk perhiasan seperti badak jed dan barang kemas.

-- BERNAMA

MNY MAI